

Proses orang pekak berkomunikasi adalah dengan menggunakan bahasa isyarat. Berdasarkan pendekatan "kecacatan bahasa dan komunikasi manusia", orang pekak dikatakan mengalami masalah bahasa lisan. Hal ini dikatakan demikian kerana mereka menggunakan isyarat, iaitu bahasa alternatif bagi membolehkan mereka berkomunikasi seperti kebanyakan orang yang menggunakan bahasa lisan. Buku berjudul *Memahami Kecacatan Bahasa dan Komunikasi* mendedahkan punca kejadian dan implikasi terhadap bahasa serta sosialisasi mereka.

Memahami orang yang mengalami masalah bahasa dan komunikasi bermakna kita mendalami selok-belok sekumpulan individu dalam masyarakat yang agak tersisih. Mereka terdiri daripada orang pekak, gagap, pelat, autisme, afasia dan sebagainya. Penyisihan terhadap mereka bukan membawa makna bahawa kita tidak mahu mendekati atau membenci mereka, tetapi disebabkan kita kurang memahami bentuk komunikasi yang mereka gunakan. Buku ini mempunyai enam bab yang ditulis oleh penulis berdasarkan pengalaman luas dalam bidang pendidikan murid pendidikan khas dan pesakit bermasalah komunikasi.

Inti pati yang terdapat dalam buku ini boleh dilihat melalui gaya penekanan penulis menjelaskan aspek-aspek yang berkaitan dengan kecacatan komunikasi manusia dan masalah yang dihadapi dalam kehidupan. Beberapa tanda yang dirujuk sebagai kecacatan bahasa diolah oleh penulis dengan maklumat baharu untuk tatapan

Permasalahan Bahasa Orang Kurang Upaya

Oleh **SITI NUR HIDAYAH OTHMAN BAKAR**



Judul : *Memahami Kecacatan Bahasa dan Komunikasi*
Penulis : Abdullah Yusoff dan Che Rabiah Mohamed
Penerbit : Dewan Bahasa dan Pustaka
Tahun Terbitan : 2017
Harga : RM25.00

umum. Selain itu, huraian yang menggabungkan pendekatan bahasa, pendidikan dan kesihatan serta perubahan memberikan penerangan yang jelas kepada pembaca untuk memahami konteks kecacatan bahasa dan komunikasi. Buku ini ditulis dengan gaya bahasa yang mudah dan santai, sesuai untuk bacaan umum.

Bahasa isyarat merujuk isyarat yang digunakan oleh komuniti orang pekak sahaja. Isyarat-isyarat yang digunakan oleh kumpulan manusia lain seperti pengidil permainan, pasukan uniform dan bahasa badan yang digunakan oleh orang yang mampu mendengar tidak dianggap sebagai bahasa kerana sifatnya tidak memenuhi ciri-ciri bahasa. Terdapat berbagai-bagai isyarat yang digunakan oleh manusia sebagai alat komunikasi. Isyarat yang dihasilkan oleh orang pekak terdiri daripada pergerakan seluruh anggota badan mereka, khususnya pergerakan tangan dan mimik muka.

Kecacatan bahasa bermaksud seseorang yang mengalami masalah penggunaan dan kefahaman terhadap komunikasi, sama ada dalam bentuk lisan, penulisan dan isyarat. Kecacatan bahasa tersebut terdiri daripada bentuk bahasa, kandungan bahasa dan fungsi bahasa. Ketidaktahuan seseorang untuk memahami makna perkataan dan ayat menyebabkan komunikasi yang tidak jelas. Hal yang sedemikian ini disebabkan penggunaan perkataan, ungkapan dan ayat-ayat tertentu membawa makna yang berlainan daripada makna asal perkataan yang digunakan.

Dalam konteks berbahasa, kebolehan mendengar merupakan kebolehan mendiskriminasikan bunyi-bunyi bahasa pertuturan dan memahami makna yang

Maklumat dan contoh serta kajian yang dilakukan oleh penulis membina kefahaman terhadap kecacatan pendengaran yang membawa kepada kecacatan bahasa dan komunikasi.

dibawa oleh bahasa yang digunakan. Terdapat perbezaan antara mereka yang mempunyai masalah pendengaran seperti pekak dengan mereka yang tidak mengalami kemahiran pendengaran. Maklumat dan contoh serta kajian yang dilakukan oleh penulis membina kefahaman terhadap kecacatan pendengaran yang membawa kepada kecacatan bahasa dan komunikasi. Hal yang sedemikian ini digarap secara teliti seterusnya memudahkan semua pihak memahami dan mempraktikkannya.

Perbezaan antara penulisan dengan pertuturan amat ketara. Pertuturan dikuasai oleh manusia secara semula jadi atau melalui peniruan berdasarkan bahasa pertuturan persekitaran. Penulisan pula memerlukan seseorang mempelajarinya secara formal serta melibatkan kemahiran lain seperti mengeja dan melahirkan pemikiran melalui penulisan. Bukan semua orang yang boleh bertutur mampu memindahkan pertuturannya dalam bentuk penulisan kerana kemahiran yang diperlukan dalam penulisan dan pertuturan adalah berbeza.

Kecacatan komunikasi seseorang dapat dikesan melalui respons pendengaran, penggunaan bahasa dan bukan bahasa. Tahap kecacatan komunikasi yang dialami oleh seseorang adalah berperingkat, iaitu daripada sedikit kepada sangat teruk. Sebagai contoh, tahap mampu memahami komunikasi sedikit sahaja sehinggalah tidak memahami komunikasi sepenuhnya. Kecacatan komunikasi boleh berlaku semenjak lahir atau dialami sesudah dilahirkan.

Seterusnya buku ini memberikan perincian yang berlaku dalam sistem pendidikan di sekolah, sama ada dalam kalangan guru, mahupun pelajar sekolah. Oleh sebab guru biasa kurang mendapat pendedahan tentang kecacatan komunikasi, kumpulan pelajar yang mengalami kecacatan komunikasi kurang mendapat perhatian guru bahasa dan juga guru biasa. Guru bahasa sepatutnya mengambil berat tentang masalah yang sedemikian ini kerana mereka lebih mengetahui tentang cara ujaran bahasa pertuturan yang dihasilkan oleh manusia.

Secara keseluruhannya, buku ini mencetuskan idea dan mengajak pembaca berfikir bahawa kebolehan kita berbahasa dan mendengar merupakan satu proses yang kompleks, dan kebolehan kita menzahirkan bunyi bahasa merupakan anugerah yang tidak ternilai harganya. Oleh sebab itu, pendengaran yang baik dan pertuturan membolehkan kita hidup secara aman dan damai. Jurang perbezaan antara individu cacat menyebabkan berlakunya pengasingan disebabkan masalah saling tidak memahami. Justeru, jurang ini boleh dirapatkan melalui pembelajaran bahasa komunikasi yang saling difahami untuk memudahkan penyampaian maklumat. **DB**